

Headline **Akta baru hidupan liar ke Kabinet**  
Date **26 Mar 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **20**  
Article Size **101 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **1,377**  
PRValue **4,132**



## Akta baru hidupan liar ke Kabinet

**K**UALA LUMPUR: Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang menggantikan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76) akan dibawa ke Kabinet, esok untuk kelulusan jemaah menteri sebelum dibentangkan di Parlimen, sebelum akhir tahun.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Douglas Ungah Embas, berkata akta baru itu turut mengambil kira maklum balas daripada kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Berbanding akta sebelum ini yang hanya melindungi kira-kira 900 hidupan liar, akta baru

ini akan melindungi kira-kira 1,300 hidupan liar terutamanya yang berdepan dengan ancaman kepupusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Galeri Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, semalam.

Douglas berkata, Akta Hidupan Liar 1972 (Akta 76) sudah dikuatkuasa di semenanjung selama 36 tahun dan kali terakhir pindaan dilakukan terhadap akta itu ialah pada 1998.

Antara pembaharuan dilakukan adalah perluasan perlindungan spesies hidupan liar yang sebe-

lum ini hanya terhad kepada mamalia, reptilia, burung dan serangga diperluaskan merangkumi amfibia (Katak) arakniba (Labah-Labah) serta gastropoda (Siput Dara).

Selain itu juga, melalui akta baru berkenaan hukuman dan denda ditingkatkan sehingga mencecah 30 kali ganda termasuklah hukuman penjara mandatori terhadap beberapa kesalahan yang serius.

Mengulas mengenai penubuhan galeri itu, beliau berkata ia merupakan yang pertama di rantau Asean dan mampu menjadi tempat rujukan kepada negara-negara lain.